

# Sultan Kedah mangkat

**TUANKU**  
Abdul Halim  
mangkat pada  
usia 90 tahun  
selepas  
memerintah  
Kedah selama  
59 tahun.

➤ Raja Muda Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah dilantik Sultan Kedah ke-28 hari ini

➤ Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dukacita atas kemangkatan Tuanku Abdul Halim yang disifatkan mesra dan disayangi rakyat

SULTAN Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, 90, mangkat pada pukul 2.30 petang semalam di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.

Baginda yang memerintah Kedah selama 59 tahun merupakan sultan pertama dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali.

Kali pertama Tuanku Abdul Halim dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong kelima ialah pada 21 September 1970 hingga 20 September 1975 manakala sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 bermula 13 Disember 2011 hingga 12 Disember 2016.

Kemangkatan baginda itu diumumkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah pada satu sidang akhbar di Wisma Darul



TUNKU SALLEHUDDIN

Aman, Alor Setar.

Almarhum yang diputerakan pada 28 November 1927 meninggalkan Sultanah Kedah, Tuanku Haminah Hamidun dan tiga puteri.

● **RENCANA BELASUNGKAWA**  
DI MUKA 21, 22 & 23



SULTANAH Haminah (dua dari kiri) mengaminkan doa di sisi jenazah Almarhum Tuanku Abdul Halim di Istana Anak Bukit, Alor Setar malam tadi.



# Kemangkatan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah

Tuanku Abdul Halim mangkat di Istana Anak Bukit selepas perintah Kedah selama 59 tahun

# Perginya Sultan berjiwa rakyat

Oleh Zaid Mohd. Noor

**ALOR SETAR** – Sultan Kedah, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, 90, mangkat di Istana Anak Bukit di sini pada pukul 2.30 petang semalam.

Kemangkatan baginda yang memerintah Kedah selama 59 tahun diumumkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah di Wisma Darul Aman di sini pada pukul 6.30 petang.

Almarhum meninggalkan Sultanah Kedah, Tuanku Haminah Hamidun dan tiga orang puteri.

Ahmad Bashah berkata, jenazah Tuanku Abdul Halim akan disembahyangkan di Istana Anak Bukit pada pukul 10.30



**TUANKU ABDUL HALIM** dan Tuanku Hajah Haminah melambaikan tangan sejurus keluar dari pesawat pada sambutan Keberangkatan Pulang Sultan Kedah di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar tahun lalu.



**ISTIMEWA.** Tuanku Abdul Halim menjadi Yang di-Pertuan Agong kelima ketika Tun Abdul Razak Hussein menjadi Perdana Menteri. Baginda sekali dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 ketika anak Tun Razak iaitu Datuk Seri Najib menjadi Perdana Menteri.

**INFO** Biodata Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah

**Nama penuh:** Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah

**Tarikh diputerakan:** 28 November 1927

**Tempat diputerakan:** Anak Bukit, Alor Setar, Kedah

**Pertabalan:** Menjadi Raja Muda Kedah pada tahun 1949 sebelum ditabalkan sebagai Sultan Kedah pada Februari 1959

**Pendidikan:** Baginda merupakan lepasan diploma Sains Sosial dan Pentadbiran Awam di Kolej Wadham Universiti of Oxford

**Perkahwinan:**

● Baginda membina mahligai perkahwinan bersama Almarhumah Tuanku Hajjah Bahiyah pada tahun 1956 yang merupakan puteri Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad dari Negeri Sembilan. Tuanku Bahiyah mangkat pada tahun 2003

● Pada tahun 1975, baginda

KASIH dan

pagi ini.

Menurut beliau, penghormatan terakhir bagi pembesar negeri dan orang kenamaan, bermula pada pukul 12.30 tengah hari hingga pukul 1.30 petang manakala orang ramai pula antara pukul 11.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

“Jenazah Almarhum akan disemayamkan di Dewan Penghadapan Baru, Istana Anak Bukit,” katanya.

Beliau memberitahu, jenazah Almarhum akan dimakamkan di Makam Diraja Langgar, Jalan Langgar di sini pada pukul 4 petang.

Ahmad Bashah turut mengumumkan tempoh perkabungan negeri ini adalah selama tujuh hari bermula semalam dan bendera negeri dikibarkan separuh tiang sepanjang



AHMAD BASHAH (depan tengah) membuat pengumuman rasmi kemangkatan Tuanku Abdul Halim di Alor Setar semalam.

jang tempoh tersebut.

Menurutnya, sepanjang tempoh itu, semua bentuk hiburan, keramaian dan perayaan dibatalkan.

“Sebagai tanda penghormatan ke atas kemangkatan Almarhum, kerajaan negeri juga mengumumkan esok (hari ini) sebagai hari kelepasan am bagi negeri ini.

“Bagaimanapun pepe-

riksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah pula akan berjalan seperti biasa,” katanya.

Tuanku Abdul Halim diputerakan pada 28 November 1927, dimahkotakan sebagai Raja Muda Kedah pada 6 Ogos 1949 dan ditabalkan sebagai Sultan Kedah ke-27 pada 20 Februari 1959.

Almarhum memperoleh pendidikan awal di Se-



KASIH dan kemesraan baginda menyebabkan Tuanku Abdul Halim sentiasa disayangi serta dekat di hati rakyat jelata.

KOSMO  
12/9/17  
mls 2

kolah Melayu Titi Gajah dan Kolej Sultan Abdul Hamid pada tahun 1946 hingga 1948.

Baginda kemudiannya meneruskan pelajaran di Kolej Wadham University of Oxford dan berjaya mendapat Diploma dalam Sains Sosial dan Pendidikan Awam.

Almarhum merupakan Yang di-Pertuan Agong yang kelima dilantik pada

21 September 1970 hingga 20 September 1975.

Baginda juga merupakan sultan yang pertama dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali.

Pelantikan kali kedua itu pada 13 Disember 2011 hingga 12 Disember 2016.

**BELASUNGKAWA  
DI MUKA 21, 22 dan 23**

tahun 2005  
• Pada tahun 1975, baginda mengahwini Che Haminah Hamidun yang merupakan orang kebanyakan dari Perak dan kini Sultanah Kedah

**Anak-anak:** Dikurniakan tiga orang puteri iaitu Tunku Soraya, Tunku Sarina dan Tunku Intan Shafinaz. Mempunyai lima orang cucu

**Hobi:** Baginda meminati fotografi, membela burung eksotik selain gemar bermain golf

**Yang di-Pertuan Agong**

• Merupakan satu-satunya Sultan di Malaysia yang dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali

• Memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-5 bermula 21 September 1970 hingga 20 September 1975

• Seterusnya, menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada 13 Disember 2011 hingga 12 Disember 2016

• Menjadi Yang di-Pertuan Agong kedua termuda yang pernah dilantik iaitu semasa berusia 43 tahun

• Turut menjadi Yang di-Pertuan Agong tertua ditabalkan iaitu ketika berusia 84 tahun